



**KENYATAAN MEDIA**  
**YAB PERDANA MENTERI**

---

**BANTUAN KELUARGA MALAYSIA (BKM) FASA 4 DISALURKAN  
BERMULA 15 NOVEMBER 2022 (SELASA)**

---

1. Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) Fasa 4 akan dikreditkan ke dalam akaun bank penerima secara berperingkat bermula **15 November 2022 (Selasa)** dan **dijangka selesai pada 18 November 2022 (Jumaat)**.
2. Pembayaran yang bernilai **RM2.1 bilion** ini akan memanfaatkan **seramai 5.2 juta penerima yang terdiri daripada penerima sedia ada kategori isi rumah dan warga emas bujang/tiada pasangan**. Secara keseluruhannya, **RM8 bilion** telah diperuntukkan untuk BKM yang memanfaatkan **8.7 juta penerima bagi tahun 2022**.
3. Untuk BKM Fasa 4, setiap penerima bakal menerima **sehingga RM900** mengikut kategori kelayakan masing-masing. Pembayaran ini merupakan **bayaran akhir** baki nilai yang sepatutnya diterima pada tahun ini.
4. **Keputusan mempercepatkan pembayaran BKM Fasa 4 daripada Disember 2022 kepada November 2022** adalah bagi membantu penerima untuk menghadapi **Monsun Timur Laut (MTL) yang dijangka bermula pada pertengahan bulan November 2022**.
5. **Semakan status pembayaran boleh dibuat mulai 15 November 2022** dan maklumat lanjut berkaitan pembayaran ini boleh dirujuk Soalan Lazim (FAQ) di Portal Rasmi BKM melalui pautan <https://bkm.hasil.gov.my>.

**#KeluargaMalaysia**  
**#BekerjaBersamaRakyat**

**DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB**  
**10 November 2022**